



INTISAR

- Abdullah berada dalam kedudukan paling lemah waktu ini. Separuh ahli MT adalah dipilih sewaktu Mahathir jadi Presiden.
- PAS tidak akan mengambil kesempatan apa lagi cuba menjadikan Dr Mahathir sebagai alat.
- Bila Najib mengatakan dalam MT tidak ada puak, ia menunjukkan bahawa MT kini berpecah dua.
- Kritikan Mahathir terhadap Abdullah yang melibatkan kepentingan antara kaum, perpaduan Islam dan juga berhubung dengan pengurusan ekonomi.

sokongan golongan elit, dia naik dengan sokongan orang bawahan dan biasa iaitu rakyat kampung yang mengharapkan satu perubahan pendekatan, tetapi langkahnya mengizinkan kenaikan harga minyak sekaligus dengan kadar begitu tinggi serta diikuti dengan kenaikan tarifelektrik, telah menghampakan rakyat seperti ini. Pada masa yang sama teguran yang dibuat tidak melihat apa-apa pembaharuan dalam pendekatan Abdullah menguruskan projek-projek pembinaan jambatan bengkok juga umpamanya diberikan secara terus bukan melalui satu tender terbuka, dan nama-nama seperti Vincent Tan, wujud kembali antara orang yang mendapat manfaat daripada pemberian kontrak pembinaan jambatan bengkok, apabila dibatalkan mendapat pampasan, tidak kurang daripada RM100 juta seperti yang dicadangkan.

Tun Mahathir ada mengatakan bahawa dia tidak ada ruang untuk membuat kritikan terhadap' Abdullah kerana sekatan terhadapnya, Adakah PAS sedia memberi ruang kepada Tun Mahathir?

Ini adalah satu pengakuan berterus terang, bahawa di bawah pentadbiran Umno media adalah terhad kepada suara-suara di luar daripada kerajaan. Bukan sahaja kepada pembangkang, kepada bekas pimpinan negara. Inilah selama ini diakmi oleh kita, pembangkang apatah lagi, Tun Mahathir yang ditakdirkan tuhan kerana sama-sama merasai apa yang telah kita lalui.

Adakah PAS memberi peluang sekiranya **Tun Mahathir ingin menggunakan PAS sebagai saluran untuk mengkritik kerajaan?**

Kita sebenarnya berkongsi dengan Tun Mahathir dari segi konsep atau keprihatinannya terhadap kepentingan negara seperti yang saya sebutkan. Pada masa yang sama juga kita tidak mahu melihat mengambil kesempatan daripada keadaan ini dengan memeralatkan Tun Mahathir, kita bersekali dengan Tun dalam isu-isu yang dibangkitkan ini tidak bermakna kita menjadi pembela Tun Mahathir. Tetapi kita bukan pembela Tun. Kita adalah pembela isu yang dibangkitkan oleh Tun.

Maknanya kesalahan Mahathir sebelum **ini** tidak dapat dimaafkan walaupun **dia** menjadi pembela **kini**?
No comment.

Sebelum **ini ada ura-ura** menyatakan **bahawa** Mahathir **akan** diambil tindakan oleh **Umno**. Tetapi yang jelas dalam mensyuarat Majlis Tertinggi (MT) **Umno** semalam tidak apa-apa **tindakan** yang berlaku **ke atas** Mahathir, kenapa?

Kalau kita imbas analisa dalam mensyuarat MT itu, kenyataan yang dikeluarkan oleh Najib kenyataan yang dirahsiakan dan ditulis amat padat dan ringkas, Abdullah pula memberikan komen yang amat ringkas tidak sampai sepuluh minit. Dan Najib ada menyebut bahawa tidak berlaku puak-puak dalam MT. Petanda-petanda ini menunjukkan ada sesuatu perkara yang dibincangkan tetapi tidak mendapat persetujuan ahli-ahli majlis.

Malah Abdullah kata masih biasa dengan Tun Mahathir dan dia tidak ada niat apa-apa terhadap Tun Mahathir, dia tidak perlu takut pada sidang tersebut dan tidak perlu memendekkan sidang medianya kepada media. Dia tidak perlu lari atau melindungi atau apa-apa pun, dia boleh berterus terang dan boleh beri penghormatannya kepada Mahathir, tetapi ini tidak berlaku. Apabila Najib berkata tidak ada puak-puak rasanya apabila dia nafikan seolah-olah macam ada, sebabnya kalau tidak ada, tidak perlu dibangkitkan. Dan kita tidak tahu apa yang berlaku dalam MT ada puak ke, tidak ada puak. Tetapi kalau kita analisis **semula** MT Umno, sebahagian besar yang berjaya dalam pemilihan kerika Tun Mahathir, seperti Tengku Adnan. Oleh yang demikian besar bagi Abdullah untuk mendapatkan persetujuan MT sekiranya beliau bercadang berbuat demikian, kerana komposisi MT yang hadir sama ramai yang menyokong Tun Mahathir. Apa yang boleh ialah sokongan-sokongan daripada menteri kabinet, komponen BN, MT, Perhubungan negeri-negeri, pengerusi, menyatakan sokongan. Tetapi sokongan tersebut berpihak kepada Tun Mahathir dan kedudukan Abdullah, pada masa itu pada pandangan saya begitu lemah.

24 Jun ini Tun Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan satu kumpulan elit Umno yang terdiri daripada bekas pimpinan Umno. Apakah Datuk akan hadir?

Saya rasa golongan elit bukan Umno sahaja dia panggil tokoh-tokoh yang mempunyai peranan dalam masyarakat, dan saya sendiri akan hadir dalam majlis itu. InsyaAllah.

Ada yang diharap daripada Abdullah?

Sebenarnya kita berharap bila Abdullah mendapat kritikan daripada Tun Mahathir kita merasakan ada sesuatu agenda yang melibatkan perpaduan di antara Melayu, perpaduan Islam, peningkatan penghayatan Islam selain daripada pengurusan ekonomi, menguruskan negara lebih beramanah. Tetapi setakat hari ini saya sendiri secara peribadi amat kecewa apa yang dilakukan Abdullah di dalam pemerintahan beliau; Saya berharap beliau mengambil kesempatan daripada kritikan Tun Mahathir ini untuk kembali ke pangkal jalan.

'Kalau tidak lantang, ia bukan pemuda'

SIASAH: Secara umum macam manakah perjalanan muktamar PAS ke-52 yang berlangsung di luar lokasi Kuala Lumpur awal bulan lalu?

HUSAM MUSA: PAS telah memilih Kedah untuk menjadi tuan rumah muktamar kali ini, dalam rangka memberikan suntikan semangat kepada PAS negeri Kedah khususnya. Dan ia sebagai satu isyarat atau tanda kepada rakyat Kedah amnya, bahawa PAS diterima oleh rakyat Kedah untuk membentuk kerajaan pada masa akan datang.

Kedah adalah negeri yang mempunyai ahli-ahli PAS yang sangat komited, dan sangat jitu. Apa yang perlu sekarang inilah strategi yang tepat daripada ahli-ahli yang jitu dan bersikap keterbukaan dalam kejutuan.

Ahli PAS pada masa yang sama hendaklah yakin dengan dasar-dasar perjuangan PAS, dan pada masa yang sama mesti terbuka kepada orang-orang di luar parti bagi mengumpulkan kekuatan dan menjanakan kemenangan. Kita

berharap PAS Kedah dapat menterjemahkan harapan ini menjadi satu kenyataan di masa akan datang.

Adakah Datuk berpuashati dengan perjalanan muktamar berkenaan?

Dari segi peranan Kedah sebagai tuan rumah, keseluruhan pimpinan amat berbangga dan puas hati termasuk kemampuan PAS Kedah menyediakan kompleks, termasuk ruang besar yang dikenali sebagai Dewan Ustaz Fadhil Noor.

Ini adalah tanda PAS Kedah kuat, yang tinggal lagi bagaimana kekuatan itu hendak dijanakan menjadi satu penerimaan umum bagi rakyat Kedah terhadap kemampuan dan pimpinan PAS Kedah.

Kritikan Dewan Pemuda PAS dalam muktamar baru-baru ini agak kritikal kepada pucuk pimpinan?

PAS menggalakkan kritikan yang membina

daripada ahli-ahli, lebih-lebih lagi dalam muktamar tahunan seperti baru-baru ini. Saya melihat kritikan-kritikan tersebut adalah satu sumbangan yang berguna bagi memperkuat parti, bagi memajukan parti bergerak lebih dekat, pada masa yang sama dalam perbahasan tersebut ternyata ahli-ahli telah menerima dan bersetuju perlunya satu anjakan yang diakui oleh PAS dalam pendekatannya.

Lima buah negeri menyokong cadangan membuka keahlian PAS kepada bukan Islam dan beberapa negeri mencadangkan PAS meminjamkan simbol PAS kepada bukan Islam bertanding dalam mana-mana pilihan raya bersesuaian dengan daya untuk menang. Ini semua adalah tanda positif.

Secara keseluruhannya mutu perbahasan adalah baik, tetapi kadang-kadang terasa konang sedikit kerana kekurangan kepakaran yang boleh membawa para hadirin menikmati jenaka-jenaka ataupun nasihat yang beriringan. Keseluruhan perwakilan begitu serius sekali.

Pemuda adalah pemuda. Kalau Pemuda tidak bercakap lantang, ciri-ciri pemuda sudah hilang. Lantangan dan pandangan pemuda boleh digunakan menjadi penggerak kepada parti. Ternyata budaya ini hanya wujud di dalam PAS.

Parti-parti lain lazimnya mengamalkan puji-pujian kepada pemimpin mereka dan tidak berani menegur dan bersuara secara lantang. PAS sebuah parti demokratik ternyata ataupun terbukti memberikan ruang seluas-luasnya termasuk kepada sayap pemuda untuk bersuara tanpa sekatan (*censorship*).

Kalau kita lihat Pemuda tidak cuba mengkritik ke dalam organnya sendiri tetapi suka mengkritik organ luar (induk). Apa pandangan Datuk?

Mungkin masa tidak mengizinkan, tetapi sikap berani dan terbuka pemuda adalah ibarat peluru meriam dan peluru senapang yang boleh dihalakan ke mana-mana.